

Kes demam denggi meningkat

UNIVERSITI
15 FEB 2019
U.R.D.
M.B.P.J.

SINAR HARIAN 15/02/2019 M/S 21

Sebanyak 697 kes denggi dilaporkan pada 2018 berbanding 551 kes pada 2017

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR

Kes demam denggi dilaporkan meningkat 26.5 peratus pada tahun lalu membabitkan enam kawasan 'hotspot' di daerah ini.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Rahilah Rahmat berkata, 697 kes denggi dilaporkan pada 2018 berbanding 551 kes 2017, sekali gus menunjukkan

peningkatan 146 kes.

Menurutnya, enam kawasan yang dikenal pasti menjadi 'hotspot' wabak denggi ini di Jeram iaitu Kampung Baru Sungai Buloh dan Kampung Bagan Cina Sungai Janggut manakala satu di Kampung Tiram Setia, Tanjong Karang.

"Puncak Alam juga mencatat tiga lokasi wabak denggi iaitu Residensi Warnasari 1 dan 3 serta Lorong Naluri Sukma. Semua lokasi ini dikesan paling banyak kes dilaporkan berlaku pada tahun lalu.

"Melihat kepada situasi itu, MDKS akan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan bersama Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor di premis yang menjadi penyumbang peningkatan kes denggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas lanjut mengenai status terkini laporan wabak denggi



Aktiviti pembersihan kawasan tempat tinggal perlu dilaksanakan secara berkala bagi memastikan habitat aedes dapat dibasmi.

di Kuala Selangor dan Tanjong Karang di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Mengulas lanjut katanya, penduduk setempat dinasihatkan supaya mengambil berat mengenai ke-

info

Puncak Alam catat tiga lokasi wabak denggi iaitu Residensi Warnasari 1 dan 3 serta Lorong Naluri Sukma

bersihan di kediaman masing-masing dengan menjalankan aktiviti pembersihan.

"Aktiviti gotong royong setiap minggu disarankan bagi menghapuskan tempat pembiakan aedes supaya kitaran hidup nyamuk dapat dihapuskan dan jangkitan denggi dapat dibendung sepenuhnya.

"Kita harap tahun ini mencatat penurunan dan kerjasama semua pihak penting bagi memastikan misi membasmi tempat pembiakan aedes dapat dijayakan secara menyeluruh," katanya.